



● BEGITU bersemangat sekali dua anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) melawan dan mempertahankan diri menggunakan asas Seni Silat Pancang 12...

## FRU digalakkan belajar Seni Silat Pancang 12

KUALA LUMPUR, Selasa — Anggota Pasukan Simpanan Polis Persekutuan (FRU) di seluruh negara akan mempelajari Seni Silat Pancang 12 di Pusat Latihan Polis (Pulapol), Jalan Gurney, di sini tidak lama lagi.

Silat itu yang pertama kali diperkenalkan dalam pasukan itu mendapat sambutan menggalakkan kerana ia dapat membantu setiap anggota memahirkan diri dengan menggunakan pongkis dan cotar.

Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Polis Diraja Malaysia, Penolong Pesuruhjaya Kanan Polis Maurice Cheong, berkata latihan seumpama itu bukan sahaja berguna untuk meningkatkan prestasi kerja, tetapi dapat menanam semangat berpasukan.

Setiap anggota harus mengamalkan seni silat itu sebagai persediaan bila menghadapi musuh yang mengancam keselamatan negara, katanya, di upacara tamat latihan silat berkenaan di Pulapol hari ini.

Encik Cheong berkata, seni silat itu amat berguna walaupun di zaman yang sedang menggunakan senjata moden, sejajar dengan persediaan pa-

sukan itu menggunakan kekerasan yang minimum ketika menyelesaikan salah faham atau pergaduhan di kalangan orang awam.

B. Harian (M)

Seramai 204 pegawai dan anggota menyertai kumpulan pertama silat berkenaan di bawah ketua jurulatih, Encik Mokhtarudin Haji Said, serta enam jurulatih lain mulai 26 November lalu.

Encik Mokhtaruddin, ketika ditemui, berkata silat berkenaan dipelajari turun-temurun daripada nenek moyangnya di Batu Bara, Indonesia, sejak berumur tujuh tahun. Untuk memahirkan diri dengan seni silat itu, seseorang perlu mengambil masa kira-kira dua tahun.

Beliau, yang juga jurulatih Persatuan Silat Olahraga Malaysia (Pelapis), berkata pada peringkat pertama anggota FRU terpaksa menjalani latihan asas. Ini diikuti dengan cara tapak dua, tiga, empat, pancang 12 dan akhirnya cara bergolek supaya tidak kaku bila berhadapan dengan musuh.

Selain itu, ia juga mengajar peserta berlawan secara bebas tanpa menggunakan senjata atau pengadang.

Latihan itu diadakan dua kali sehari, iaitu dua jam pada sebelah pagi dan dua jam pada sebelah petang.

25 DEC 1985